

RM900 permulaan baik, ^{Star 1/5/2011 MS S.} RM1,200 paling relevan

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB
iwan@thestar.com.my

Nama: Mohd Khalid Atan
Umur: 58 tahun
Jawatan: Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
Jawatan lain: Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja Perakayan Malaysia



Golongan pekerja sentiasa mahukan perubahan pada kenaikan gaji mereka.

negara ini yang berkhidmat dalam sektor swasta.

Bilangan kakitangan swasta yang lebih tinggi berbanding 1.3 juta penjawat awam menunjukkan sektor itu turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Menurut Mohd Khalid, secara purata gaji pekerja swasta mereka paling rendah pada masa ini antara RM600 sehingga RM700.

"Namun berdasarkan kajian, antara 35 peratus sehingga 40 peratus pekerja-pekerja masih dibayar di bawah paras RM700," katanya.

pekerja biasa dengan pengurusan tertinggi.

"Ada pengurus besar yang mendapat gaji bulanan sebanyak RM50,000 sehingga RM100,000 sedangkan pekerja mereka dibayar hanya serendah RM600," katanya.

Tidak dinafikan setiap keuntungan syarikat adalah baik tetapi jentera yang membantu mendapatkannya adalah pekerja selain modal dan kecekapan dalam pengurusan.

Tanpa bersikap prejudis ke atas mana-mana pihak, Mohd Khalid menggesa kerajaan supaya menentukan mekanisme terbaik untuk merapatkan jurang



MOHD KHALID ATAN

Menurut beliau, peluang pekerjaan bagi sektor swasta dibiarkan secara terbuka bagi sesiapa yang berminat selagi ada dedikasi untuk bekerja dan mempunyai kemahiran.

"Belum pasti mereka berkelayakan tinggi boleh melakukan kerja dengan baik namun segelintir yang kurang berkelayakan untuk berusaha untuk meningkatkan taraf hidup.

"Sesetengah pekerjaan dalam sektor swasta tidak memerlukan kemahiran. Apa yang lebih penting adalah kemahuan mereka untuk bekerja," katanya.

Selain itu, ia dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara ini dan peluang terbuka itu dapat menarik minat rakyat untuk bekerja

Apa kata penjawat awam



"Majikan perlu lebih prihatin terhadap kebajikan pekerja terutamanya caruman KWSP kerana itu adalah masa depan mereka pada hari tua. - Ismail Mohd Hanafiah, 32, Penjawat Awam.



"Lebih banyak aktiviti boleh dilakukan pada Hari Pekerja bagi menghargai mereka seperti mengadakan anugerah cemerlang dan jamuan di peringkat jabatan dan pemberian insentif khas sempena hari itu. - Siti Rohaiza Jasman, 35, Penjawat Awam.

Mingguan mStar, baru-baru ini.

Mohd Khalid bagaimanapun berkata, persetujuan itu perlu diakui dalam Dasar Gaji Minimum sebagai satu mekanisme bagaimana pelaksanaannya dibuat secara teratur.

Jelasnya, gaji minimum itu perlu dikaji semula setiap tiga tahun untuk diselaraskan dengan keperluan semasa dan peningkatan kos sara hidup.

"Namun jika hendak diikutkan, gaji minimum sekarang paling relevan sepatutnya adalah RM1,200 berdasarkan tuntutan yang dibuat sejak 11 tahun lalu dengan kesesuaian kos sara hidup hari ini," katanya.

Setakat ini, terdapat lebih 500,000 ahli MTUC dan dianggarkan antara lima sehingga enam juta pekerja di

Rapat jurang

Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan oleh kerajaan menjelaskan mengenai matlamat Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi.

Mohd Khalid berkata, ETP jelas menunjukkan bahawa Dasar Gaji Minimum amat relevan untuk diwujudkan dan ini termasuk bantuan sara hidup untuk pekerja swasta.

"Dasar Gaji Minimum dapat menggalakkan lebih ramai tenaga tempatan mengisi kekosongan pekerjaan yang selama ini dibanjiri dengan pekerja asing," katanya.

Menerusi pelaksanaan ETP, beliau mengharapkan ia dapat merapatkan jurang terlalu besar antara gaji

berkenaan.

"Bukanlah untuk menjadikan gaji pekerja bawahan itu setaraf dengan majikan tetapi biarlah ia munasabah bersesuaian dengan sumbangan mereka," katanya.

Peluang terbuka

Dalam pada itu, Kongres Persatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) baru-baru ini mencadangkan kepada kerajaan supaya kelayakan akademik minimum bagi pejawat awam dinaikkan daripada Penilaian Menengah Rendah (PMR) kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Mohd Khalid yang mewakili sektor swasta berkata, kenaikan kelayakan itu adalah wajar namun apa akan berlaku kepada mereka yang kurang berkelayakan.

dalam mana-mana bidang.

Mohd Khalid berkata, sama ada berkemahiran atau tidak, paling penting bagi setiap pekerja adalah peningkatan kerjaya yang positif.

"Ini boleh dilaksanakan menerusi latihan dan kebajikan daripada majikan kepada mana-mana pekerja yang cekap, berkemahiran dan layak untuk dinaikkan pangkat.

"Bagaimanapun faktor penggajian juga amat penting bagi menggalakkan setiap kakitangan untuk terus bekerja bagi meningkatkan taraf hidup," katanya.

Selain gaji minimum dan bantuan sara hidup, MTUC turut mengusulkan cadangan cuti bersalin selama 90 hari, isu kebajikan pekerja asing dan masalah yang dihadapi oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



"Adakalanya bidang pekerjaan yang tidak sesuai membuatkan pekerja hilang semangat untuk menjalankan tugas terutama di sektor awam yang kebanyakannya ditempatkan dibahagian yang berbeza dengan kelulusan mereka. - Mohd Norzaidi Jali, 28, Penjawat Awam.

> Gaji yang diberikan majikan pada tahap MINIMUM tanpa mengira sektor dan faktor termasuk jantina, kelulusan, bidang dan sebagainya.

> Diperkenalkan pertama kali di Australia dan New Zealand pada akhir ABAD KE-19.

> Kini gaji minimum dilaksana di 90% NEGARA seluruh dunia.

> 30 April 2008 - DEMONSTRASI MTUC di bangunan Parlimen tentang isu gaji minimum RM1,200.

> 1 Julai 2007 - Cuepacs tuntutan gaji minimum melalui JPA.

> Gaji minimum dikemukakan berikutan KENAIKAN harga barang dan tol.

> Majikan swasta enggan beri gaji

Info gaji minimum

minimum ini kerana mereka boleh dapat PEKERJA ASING dengan mudah.

> Dikatakan rakyat tempatan akan rebut PELUANG pekerjaan dan tidak ditindas jika gaji minimum dilaksanakan.

> Diandaikan pekerja asing akan 'balik kampung', tetapi kemungkinan yang lain lebih RAMAI yang datang kerana tawaran gaji lebih lumayan seperti yang berlaku di Amerika Syarikat (AS).

> Menambah caruman pekerja kepada KWSP dan PERKESO.

> MASALAH pelaksanaan - Gaji minimum antara swasta dan

kerajaan sukar diselaraskan kerana faktor kelulusan, penilaian produktiviti berbeza, sasaran keuntungan kerajaan dan swasta berbeza dan sebagainya.

> Gaji minimum dikatakan akan menyebabkan kerajaan dan syarikat yang tak mampu bayar gaji BANKRAP.

> TIDAK SEMUA kerja memerlukan kelayakan tinggi, cukup sekadar tahu membaca. Contoh - operator pengeluaran, pekerja stor, bahagian pembungkusan dan mandur.

> Tun DR MAHATHIR Mohamad pernah menggesa produktiviti harus selaras dengan pendapatan. Jika produktiviti meningkat maka

gaji akan meningkat.

> 3 Mei 2008 - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan MTUC tidak boleh MENDESAK jika kemampuan kerajaan tidak ada. Kerajaan perlu buat pertimbangan.

> 15 Februari 2011 - Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam berkata gaji minimum tidak akan dilaksanakan mengikut sektor pekerjaan, sebaliknya satu kadar gaji minimum bagi Semenanjung dan satu lagi untuk Sabah dan Sarawak akan ditetapkan untuk pekerja tempatan atau asing.

> Rang Undang-Undang Majlis Gaji Kebangsaan akan dibentangkan pada JUN 2011, yang akan mengemukakan cadangan menggubal intipati Rang Undang-Undang Gaji Minimum.

> Lagi cerita di muka 6



"Jika pekerja benar-benar memberikan komitmen dalam tugas yang diberikan tidak salah jika gaji mereka dinaikkan malah itu akan memberikan semangat kepada mereka untuk terus memberikan khidmat terbaik." - Tajul Azhar Mohd Tajul Ariffin, 31, Penjawat Awam.

Kelayakan minimum SPM & Diploma

Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB
 iwan@thestar.com.my

SETAKAT ini seramai 1.3 juta penjawat awam berkhidmat di pelbagai sektor awam di negara ini. Banyak isu yang diperdebatkan dalam membela nasib golongan ini terutama yang dibangkitkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

Usulan yang menduduki carta teratas sudah tentu tuntutan gaji minimum. Namun benarkah penjawat awam perlu serba boleh untuk melakukan pelbagai tugas bagi menjustifikasikan kenaikan gaji? Ikuti penjelasan menerusi temuramah *Mingguan mStar* dengan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Dr Ismail Alias.

Bagaimana dengan perkembangan perkhidmatan awam?

Perkembangan mereka pada masa ini adalah lebih baik berbanding dahulu. Perkhidmatan awam di Malaysia juga merupakan antara yang terbaik di dunia. Bagaimanapun, penjawat awam perlu mendahului untuk berkembang lebih pesat secara berterusan.

Ada isu berbangkit?

Pada masa ini terdapat isu berkaitan dengan pendapatan

jenis elaun dan bantuan sara hidup. Ini tidak termasuk faedah lain daripada mula kerja sehingga pencen.

Gaji pokok minimum untuk peringkat Ijazah pada Gred N41 adalah RM1,690 manakala gaji pokok paling rendah bagi kelayakan sekolah rendah bagi Gred N1 pula RM649. Namun itu sekadar gaji pokok tidak termasuk elaun dan bantuan saraan.

Elaun-elaun dalam sistem saraan perkhidmatan awam adalah imbuhan tetap perumahan, imbuhan tetap khidmat awam dan bantuan sara hidup. Jumlah pendapatan paling minimum RM1,204 itu untuk peringkat paling rendah sudah mencukupi.

Boleh dinaikkan lagi?

Jika kita hendak naikkan gaji maka banyak perkara yang perlu dilakukan seperti meningkatkan tahap inovasi, cara mereka bekerja dan menggunakan pendekatan Kejat. Ia bermaksud '*lean civil service*' atau perkhidmatan awam yang keajaib sebagai sebuah perkhidmatan awam yang mempunyai saiz penjawat awam mantap, digembleng sepenuhnya untuk beroperasi ke arah mencapai matlamat perkhidmatan.

Ini juga supaya mereka sesuai dengan kemampuan dan teknologi bagi mewujudkan satu produktiviti lebih tinggi sekali gus membolehkan pendapatan



DR ISMAIL ALIAS

menjadi sebagai pembantu pejabat, seolah-olah seorang pekerja membuat dua kerja. Kepelbagaian kemahiran ini membolehkan gaji mereka dinaikkan.

Masih ada kelayakan sekolah rendah?

Itu dahulu. Sekarang sudah ramai penjawat awam yang berkelayakan lebih tinggi. Sudah ada Penilaian Menengah Rendah (PMR) ke Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Setakat itu saja?

Ada juga serendah Diploma. Kita mungkin akan mempertingkatkan taraf pendidikan bagi pengambilan penjawat awam dari PMR ke SPM dan Diploma. Ia kini dalam perancangan kerana sebahagian besar pekerjaan bagi kelayakan rendah sudah tiada.

akan merancang untuk memberi latihan bagi mempertingkatkan kemahiran mereka supaya mendapat gred lebih tinggi. Kemahiran juga dinilai taraf bersesuaian dengan jawatan.

Pendapatan penjawat awam relevan dengan kos sara hidup sekarang?

Jika sebut pasal duit, berapa ribu pun tak cukup tetapi secara purata bagi jawatan peringkat paling rendah sehingga ke pertengahan masih munasabah dan mencukupi. Mungkin tidak cukup bagi pekerja bawahan namun tinggi berdasarkan kelayakan mereka.

Kalau tak cukup juga?

Mereka dibenarkan untuk melakukan kerja sampingan. Berdasarkan pemerhatian, jumlah mereka yang membuat kerja

kerja sampingan kerana gaji rendah saja tetapi kerana mempunyai minat dan kemahiran dalam bidang tertentu. Jangan lihat pada gaji pokok saja kerana imbuhan lain menjadikan jumlah pendapatan mereka jauh lebih tinggi.

Bagaimana dengan penyertaan rakyat dalam perkhidmatan awam?

Kita sentiasa membuka penyertaan dan sektor awam memang untuk rakyat. Namun kita mahu meningkatkan lebih banyak penyertaan bukan Melayu. Pada masa ini, sebanyak 77.7 peratus pejawat awam Melayu dan 22.3 peratus bukan Melayu tidak termasuk polis dan tentera. Perkhidmatan awam memberikan ganjaran dan sistem saraan yang semakin baik mengikut kemampuan kerajaan dan

penjawat awam yang dikatakan masih rendah. Jika hendak diikutkan, jumlah pendapatan mereka paling minimum bagi kelayakan sekolah adalah RM1,204.

Tapi terdapat pertikaian bahawa gaji pokok penjawat awam rendah.

Perkhidmatan awam menggunakan sistem saraan (Skim Saraan Malaysia). Ia bukan sekadar gaji pokok saja kerana penjawat awam turut disediakan pelbagai

dipertingkatkan lagi. Selepas ini terdapat rancangan untuk menaikkan semua gred penjawat awam. Mungkin nanti pada satu tahap gaji rendah sekurang-kurangnya RM2,000.

Penjawat awam jadi serba boleh?

Mereka akan berkemampuan untuk melakukan pelbagai tugas atau 'multi tasking'. Pemandu sebagai contoh. Jika dia tidak memandu, dia tak ada kerja. Mungkin pemandu ini boleh dilatih

Pendapatan Penjawat Awam Mengikut Gred (Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan)

Gred N1 - N16 (PMR)

Gaji pokok permulaan	RM647
Elaun Cola	RM100 - RM300
Imbuhan Perumahan	RM180
Imbuhan Perkhidmatan Awam	RM85

Gred N17 - N26 (SPM)

Gaji pokok permulaan	RM820
Elaun Cola	RM100 - RM300
Imbuhan Perumahan	RM180
Imbuhan Perkhidmatan Awam	RM130

Gred N27 - N36 (STPM / Diploma)

Gaji pokok permulaan	RM1,100
Elaun Cola	RM100 - RM300
Imbuhan Perumahan	RM180
Imbuhan Perkhidmatan Awam	RM160

Gred N41 - N54 (Ijazah)

Gaji pokok permulaan	RM1,688
Elaun Cola	RM100 - RM300
Imbuhan Perumahan	RM180
Imbuhan Perkhidmatan Awam	RM300

Naik taraf kelayakan itu kerana cadangan Cuepacs?

Kita hanya selaraskan cadangan itu. Tujuan utama JPA adalah melahirkan lebih ramai penjawat awam berkemahiran. Pada masa ini, kerja-kerja di peringkat bawahan banyak menggunakan mesin. Berdasarkan perkembangan, sudah tiada lagi golongan muda berkelayakan peringkat sekolah rendah, sudah ada sekurang-kurangnya diploma. Kita perlu mengikut trend dan mahu mempertingkatkan kemahiran serta pengetahuan mereka.

Ini akan meminggirkan mereka yang berkelayakan rendah.

Jika masih ada penjawat awam yang berkelayakan rendah, kita

sampingan amat rendah, tidak sampai satu peratus pun.

Tidak jejas prestasi kerana buat dua kerja?

Mereka yang mahu melakukan kerja sampingan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu. Kita kenakan syarat. Jika prestasi mereka menurun maka kebenaran itu akan ditarik balik. Prestasi mereka akan dinilai oleh majikan masing-masing.

Nanti timbul isu gaji penjawat awam rendah.

Isu ini tidak timbul. Kita tidak menyekat kebebasan mereka untuk membuat kerja sampingan selagi ia mendapatkan kebenaran dan mematuhi syarat. Ada yang buat

keperluan berdasarkan keadaan semasa.

Nasihat untuk semua penjawat awam di negara ini?

Mereka perlu menjadi kakitangan yang responsif dan inovatif sehingga mampu menjadikan perkhidmatan awam terbaik. Menerusi pendekatan Kejap, bilangan penjawat awam adalah munasabah dengan persekitaran kerja secara optimum menggunakan pengetahuan, kemahiran dan teknologi yang ada serta terkini. Mereka juga diharapkan mampu memberikan perkhidmatan yang dituntut oleh rakyat. Ini selaras dengan konsep rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan.

> Lagi cerita di muka 5

